

# Pekan Rabu

UM 31/10/2003 - 22 PRECISE

## Tak sah kalau tak singgah

Oleh NAZARUDIN SHAHARI

**P**EKAN Rabu di Jalan Tunku Ibrahim, Alor Star begitu sinonim dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Umum mengetahui bagaimana penglibatan Perdana Menteri dalam perkembangan dan pembangunan Pekan Rabu yang begitu terkenal di seluruh negara.

Pekan Rabu menjadi gelanggang awal kepada Dr. Mahathir dalam bidang perniagaan kecil-kecilan sekitar tahun 50-an sehingga beliau kemudiannya dikenali di seluruh dunia kerana berjaya 'memasarkan' Malaysia.

Penempatan para peniaga bumiputera di Pekan Rabu yang disifatkan sebagai nadi bagi kalangan peniaga Melayu menjalankan perniagaan bermula sekitar selepas Perang Dunia Pertama.

Pekan Rabu secara beransur-ansur telah berjaya melahirkan banyak kejayaan dan menjadi kebanggaan masyarakat bumiputera dalam perniagaan.

Kebanyakan peniaga Pekan Rabu yang ada sekarang adalah generasi ketiga. Pekan Rabu yang tersergam indah dengan keunikannya dirasmikan oleh Dr. Mahathir pada 25 Februari 1978 kini menjadi lambang kemegahan peniaga bumiputera di seluruh negara.

Pekan Rabu telah wujud di Tanjung Chali kira-kira satu kilometer dari tempat sekarang, sebelum Tunku Yaakob mengasaskan penubuhannya sebagai pasar minggu pada April 1930.

Sejarah awal Pekan Rabu menyaksikan bangunan perniagaan di situ hanya berbumbung atap dan zink sebelum usaha-usaha dilakukan bagi membangunkan kompleks yang lebih lengkap dan moden.

Perpindahan dari Tanjung Chali ke tempat sekarang dalam tahun 1932 diasaskan oleh Tunku Yaakob dengan disediakan bangunan tiga tingkat berbentuk gedung terletak di tengah-tengah pusat bandar.

Menjelang April 1948, sebuah bangunan dinamakan 'Pasar Yaakob' turut dibina untuk memberi peluang kepada lebih ramai lagi peniaga Melayu muncul dan menceburkan diri di dalam bidang perniagaan untuk menjadi usahawan.

Dalam usaha memantapkan lagi pengurusanannya, para peniaga mengambil keputusan menubuhkan sebuah syarikat bekerjasama am pada Ogos 1940. Dengan perubahan masa, ia dipinda dengan mewujudkan Koperasi Pekan Rabu Berhad yang kini mempunyai ahli sekitar 1,500 orang.

Pada 1995, Dr. Mahathir telah meluluskan



DR. MAHATHIR sedang membeli kuih di Pekan Rabu.

peruntukan sebanyak RM6.5 juta untuk mengubahsuai kompleks tersebut supaya para peniaga di situ menjadi lebih moden dan canggih.

Dr. Mahathir mempunyai hubungan yang istimewa dengan Pekan Rabu. Setiap kali beliau balik ke Kedah atau kepulangannya pada bulan Ramadan, tidak lengkap jika tempat itu tidak dikunjunginya.

Beberapa peniaga di Pekan Rabu yang ditemui oleh *Utusan Malaysia* menyatakan Dr. Mahathir mempunyai hubungan yang sangat mesra dengan para peniaga di kompleks tersebut.

Sudah banyak sumbangan dan bantuan yang diberikan oleh beliau bagi memastikan Pekan Rabu terus menjadi pusat pembangunan perniagaan orang Melayu.

Peniaga kuih tradisional, **Aishah Mat**, 84, berkata, setiap kali Dr. Mahathir berkunjung ke Pekan Rabu, beliau tidak pernah lupa untuk singgah di kedainya.

Beliau yang lebih dikenali sebagai Mak Chah berkata, selain membeli kuih-kuih tradisional di kedainya, Perdana Menteri akan bertanya khabar.

"Beliau juga suka bergurau dengan mak cik," katanya yang ditemui di rumahnya.

Perniagaan di kedainya yang telah diusahakan sejak 1956 kini dikendalikan oleh cucunya, Suria kerana beliau kini semakin uzur.

Menceritakan lebih lanjut, Aishah berkata, antara kuih yang menjadi kegemaran Dr. Mahathir ialah dodol, peneram, karas, emping Rabu dan makmur inti kurma.

"Beliau (Dr. Mahathir) adalah insan yang paling baik," ujarnya.

Tukang jahit, **Wan Abd. Rahman Wan Puteh**, 76, berkata, beliau mula menjahit baju Melayu untuk Dr. Mahathir sejak Perdana Menteri bekerja sebagai doktor di Alor Star sekitar tahun 60-an.

"Dr. Mahathir seorang yang tidak cerewet dan mudah berurusan dengan

beliau," katanya yang dikenali sebagai Pak Wan di kalangan peniaga di Pekan Rabu.

Menurutnya, sehingga kini beliau telah menjahit lebih 50 pasang baju Melayu untuk Perdana Menteri dan pada kebiasaannya, Dr. Mahathir gemar dengan warna-warna yang terang.

Beliau yang berniaga di situ sejak 1950 berkata, Dr. Mahathir menjalin hubungan yang sangat mesra dengan para peniaga di situ dan beliau tidak akan melupakan jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh Perdana Menteri terhadap Pekan Rabu.

Sementara itu, **Sardi Dahar**, 45, yang menjalankan perniagaan membuat songkok dan capal berkata, Dr. Mahathir tidak pernah ketinggalan untuk datang ke kedainya setiap kali berkunjung ke Pekan Rabu.

Katanya, Dr. Mahathir gemar menempah songkok di kedainya yang direka khas dengan jahitan yang lebih halus dan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri.

"Malah saya kini membuat songkok yang diberi nama 'Style PM' bagi memenuhi cita rasa orang ramai yang mahukan songkok yang baik," katanya yang mewarisi perniagaan itu daripada bapanya, Dahar Dato.

Beliau menyifatkan Dr. Mahathir sebagai seorang yang mesra kerana sentiasa bertanya khabar kepada para peniaga di situ.

"Kemesraan itu juga menjadi bertambah rapat kerana Perdana Menteri pandai bergurau dengan kami," katanya.

Bagi Sardi angka 22 mempunyai makna yang penuh erti bagi beliau. Ini kerana songkok yang dipakai oleh Dr. Mahathir bersaiz 22 dan Perdana Menteri bersara selepas 22 tahun memerintah manakala pertama kali Dr. Mahathir mengumumkan untuk bersara pada 22 Jun 2002.



AISHAH MAT



WAN ABD. RAHMAN WAN PUTEH



SARDI DAHAR bersama songkok yang diberi nama 'Style PM'.



TENAGA NASIONAL

### PESANAN DR. M

KITA mahu lihat dunia berkongsi kekayaan dan untuk itu kita telah menjalin hubungan dengan mana-mana negara yang memberi peluang untuk kita bersama-sama menyertai pembangunan ekonomi mereka. Kita berpegang kepada falsafah jiran yang kaya lebih baik daripada jiran yang miskin

● Bercakap pada sidang akhbar sebelum meninggalkan Beirut pada 19 Jun 1997.